

Headline	Kaji keberkesanan pemberian BR1M		
MediaTitle	Kosmo		
Date	28 Oct 2015	Language	Malay
Circulation	197,202	Readership	875,000
Section	Kosmo 2	Color	Full Color
Page No	24	ArticleSize	560 cm ²
AdValue	RM 14,533	PR Value	RM 43,599



Kaji keberkesanan pemberian BR1M

SEPERTI kelaziman pada Oktober, pembentangan belanjawan tahunan negara di Dewan Rakyat pasti dinanti-nantikan rakyat. Mereka mengharapkan pembentangan Bajet 2016 membawa berita gembira. Dalam keadaan ekonomi semasa yang tidak menentu, antara lain ekoran kelembapan ekonomi China dan negara membangun, kejatuhan harga minyak dan nilai mata wang termasuk Ringgit, banyak pihak mengharapkan insentif yang dapat melegakan bebanan kos sara hidup.

Beberapa pihak berharap langkah kerajaan untuk mencari alternatif bagi meringankan bebanan kos sara hidup rakyat termasuk memberi Bantuan Rakyat Malaysia (BR1M) dikaji semula agar ia lebih berkesan dalam usaha membantu golongan sasaran.

Ketua Jabatan Pengurusan Sumber dan Pengajian Pengguna Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia, Prof. Madya Dr. Mohamad Fazli Sabri berkata, kajian menyeluruh akan dapat membantu kerajaan melakukan proses penambahbaikan serta mengenal pasti kelemahan pelaksanaan sistem BR1M.

“Usaha memberikan BR1M kepada rakyat adalah keputusan yang baik, namun kerajaan harus melihat kembali kewajaran pemberian BR1M dan sama ada ia benar-benar membantu mengurangkan bebanan rakyat.

“Adalah lebih baik jika kerajaan dapat menggunakan kaedah lain selain memberi bantuan dalam bentuk duit, misalnya menggunakan kad atau bawac yang tidak boleh ditukar kepada duit dan tertakluk untuk membeli barang keperluan

sahaja bersesuaian matlamat BR1M untuk mengurangkan kos sara hidup rakyat,” katanya.

Mohamad Fazli berkata, memandangkan Malaysia akan mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang 2020, kerajaan harus mengambil kira keadaan ekonomi semasa dan dunia termasuk jumlah peruntukan yang disalurkan kepada penerima BR1M.

Langkah ini bertujuan memastikan inisiatif pemberian BR1M digunakan secara berhemah dan memanfaatkan rakyat.

“Terdapat individu yang menghabiskan duit BR1M dengan cepat, ada yang gagal menyimpan wang tersebut, malah timbul masalah pemberian BR1M tidak sampai kepada golongan sasaran. Kerajaan perlu peka terhadap perkara ini.

“Terdapat rungutan bahawa BR1M diberikan kepada golongan yang tidak layak, sedangkan ramai lagi yang lebih memerlukan terutamanya golongan ibu tunggal, warga emas dan miskin bandar,” katanya.

Bancian penduduk

Dalam belanjawan 2015, kerajaan menaikkan kadar BR1M kepada RM950 daripada RM650 untuk isi rumah berpendapatan bulanan RM3,000 ke bawah yang dibayar tiga kali ansuran iaitu pada Januari, Mei dan September.

Bagi isi rumah berpendapatan bulanan antara RM3,000 hingga RM4,000, kerajaan meningkatkan kadar BR1M daripada RM450 kepada RM750 manakala bagi kategori individu bujang berumur 21 tahun ke atas dan berpendapatan tidak

melebihi RM2,000 sebulan, kadar itu dinaikkan daripada RM300 kepada RM350.

Sementara itu, pakar ekonomi Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan, Universiti Utara Malaysia, Prof. Datuk Dr. Amir Hussin Baharuddin mencadangkan agihan BR1M disalurkan terus kepada golongan sasaran melalui sistem bancian penduduk.

Beliau berpendapat menerusi sistem tersebut segala data dan maklumat mengenai individu yang layak menerima BR1M dapat diketahui dengan mudah.

“Berdasarkan bancian penduduk kerajaan akan dapat mengenal pasti populasi penduduk, demografi dan kelayakan pendapatan isi rumah.

“Kerajaan juga boleh mendapatkan kerjasama ketua kampung atau wakil rakyat di kawasan tersebut agar proses mendapatkan maklumat penerima BR1M diperoleh dengan cepat,” katanya.

Selain itu, Amir Hussin berkata, mengemas kini maklumat penerima BR1M di peringkat pentadbiran amat penting bagi

memastikan tiada kes individu tercicir daripada senarai penerima.

Ini kerana jika maklumat penerima BR1M tidak dikemas kini kemungkinan wujud golongan individu tidak beretika dan sanggup mengambil ‘hak’ orang lain.

Kad pengenalan khas

Sehubungan itu, Amir Hussin mencadangkan agar kerajaan menggunakan sistem kad pengenalan khas.

“Mereka yang memiliki kad

Headline	Kaji keberkesanan pemberian BR1M		
MediaTitle	Kosmo		
Date	28 Oct 2015	Language	Malay
Circulation	197,202	Readership	875,000
Section	Kosmo 2	Color	Full Color
Page No	24	ArticleSize	560 cm ²
AdValue	RM 14,533	PR Value	RM 43,599

pengenalan ini akan mempunyai rekod (penerima BR1M) dan hanya perlu membawa kad tersebut bagi mendapatkan bantuan kewangan agar tidak wujud penyalahgunaan oleh individu tidak bertanggungjawab,” katanya.

Tidak menjadi masalah jika kerajaan ingin menggunakan sistem setem makanan bagi menggantikan BR1M seperti di Amerika Syarikat yang diberikan kepada golongan berpendapatan rendah dan tidak bekerja.

Setem makanan ini tidak boleh ditukar ke dalam bentuk wang dan hanya barang-barang keperluan asas seperti makanan diberikan kepada mereka.

“Saya rasa jika langkah ini digunakan sasaran penerima akan lebih tepat malah penerima juga boleh mendapatkan barang-barang keperluan ini dari Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) yang menjanjikan kualiti terbaik kepada pengguna,” katanya.
- Bernama



SEBAHAGIAN orang ramai beratur untuk mengeluarkan wang BR1M di Kota Bharu, Kelantan awal tahun ini.



PETUGAS Kementerian Kewangan, Mohd. Helmy Ali meneliti isi kandungan Laporan Ekonomi 2015-2016 di Putrajaya baru-baru ini.